

# Hab Pendidikan Pagoh hampir siap

■ SHAHIZATUL FARHA S ROSLI

**ISKANDAR PUTERI** – Status terkini Hab Pendidikan Pagoh secara keseluruhan mencapai 94.25 peratus pembangunan setakat 31 Mac ini membabitkan pembinaan empat cawangan institusi pengajian tinggi.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan dan Koperasi negeri, Md Jais Sarday berkata, projek berkenaan dijangka siap sepenuhnya Mei tahun depan mengikut tarikh asal yang dimeterai dalam per-

janjian konsesi.

“Tarikh asal penyiapan projek adalah pada 1 Mei 2017 dan kemasukan pertama pelajar akan bermula sebaik sahaja projek diterima oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

“Pada ketika ini, KPM telah memulakan operasi Politeknik Tunku Syed Nasir Syed Ismail, Pagoh di kampus sementara di Politeknik Sultan Ahmad Shah, Kuantan membabitkan dua program diploma.

“Apabila kampus di Pagoh siap, politeknik ini akan menawarkan empat lagi pro-

“**Tarikh asal penyiapan projek adalah pada 1 Mei 2017 dan kemasukan pertama pelajar akan bermula sebaik sahaja projek diterima oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).**” - Md Jais

gram diploma sehingga mencapai kapasiti 3,600 pelajar,” katanya.

Manakala proses pem-



bangunan Kampus Cawangan Universiti Teknologi (UTM) di Pagoh sudah mencapai 97.28 peratus dan Kampus

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mencapai progres 94.97 peratus.

“Sementara Kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pula sudah mencapai kemajuan 94.69 peratus.

“Politeknik dan Kemudahan Gunasama pula mencapai pembangunan 95.95 peratus,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Johor Kali ke-13 di Kota Iskandar, kelmarin.

Dalam pada itu Md Jais

berkata, penyediaan asrama pelajar, rumah kediaman dan lot perniagaan akan dijalankan Sime Darby Property, pemaju Bandar Universiti Pagoh.

“Pihak Sime Darby sedang melaksanakan kerja-kerja pembinaan asrama pelajar dan projek berkenaan dijangka siap Mei tahun depan.

“Mereka akan turut melancarkan projek pertama rumah kediaman pada Mei tahun ini yang turut membabitkan pembinaan lot-lot perniagaan dan dijangka siap antara 18 hingga 24 bulan,” katanya.